
[BIL. 73 APR 2020](#)

The logo for 'CREATE e-newsletter' is displayed on a dark blue background. The word 'CREATE' is in a large, white, sans-serif font, with the letter 'R' highlighted in yellow. Below it, the words 'e-newsletter' are written in a smaller, white, lowercase, sans-serif font. A thin yellow horizontal line is positioned at the bottom of the logo area.

CREATE
e-newsletter

UMP utamakan kebajikan dan keselamatan p

Oleh: SITI NUR AZWIN ZULKAPRI, UNIT PERHUBUNGAN AWAM, PEJABAT, NAIB CANSOLOR

Keputusan kerajaan melanjutkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 31 Mac sehingga terbaik yang dilakukan kerajaan dalam memerangi penularan wabak *Coronavirus* (Covid-19) di negara ini.

Sepanjang tempoh ini, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menangguhkan semua operasi perkhidmatan Pembelajaran (P&P) termasuk dalam talian dilaksanakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan

2020.

Dalam pada itu, UMP turut membuat penjadualan semula kalendar akademik Semester 2 dan Semester 3 pengkuliahannya bakal bermula pada 1 Jun depan setelah mengambil kira aspek keselamatan dan usaha untuk melindungi di negara ini.

Berkongsi kisah buat pelajar yang masih kekal tinggal di kampus, menurut Pengetua Kolej Kediaman 4 Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) dan Kolej Kediaman Pelajar mengambil inisiatif dalam tempoh PKP kebajikan dengan menyediakan makanan pagi, tengah hari dan malam dengan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negara (NADMA) serta sumbangan pihak luar buat pelajar di dalam kampus dan mereka yang tinggal di luar kampus.

Penganjuran program bersifat maya (*online*) turut dilaksanakan di Kolej Kediaman (Siswa) seperti mesyuarat (*online*) serta berkongsi poster berkonsepkan nasihat bagi memastikan masa pelajar diisi dengan membina diri.

Begitu juga di Kolej Kediaman (Siswi) pula program yang diadakan termasuklah pertandingan nyanyian, pertandingan melukis dan pertandingan pantun sempena Covid-19.

Pada masa yang sama, pelajar sentiasa diingatkan agar sentiasa mematuhi arahan Perintah Kawalan Pergerakan mengambil langkah pencegahan seperti kekal jarak satu meter antara individu dan tidak berkumpul.

Menurut pelajar dari Fakulti Sains dan Teknologi Industri, Tuan Muhamad Asani Tuan Ibrahim, 22, merupakan inisiatif yang bijak dalam menangani wabak Covid-19 ini rentetan daripada PKP fasa pertama menunjukkan kesan yang positif.

“Sebagai mahasiswa yang menetap di kampus universiti dalam situasi pandemik sekarang ini, saya merasa bersyukur kerana pihak universiti mengambil langkah keselamatan yang sewajarnya.”

“Pihak keselamatan universiti memandang serius tentang sekatan masuk terhadap orang luar ke dalam kampus.”

Tambah Nasrul, selain itu, dari sudut kebajikan mahasiswa pula, pihak universiti telah mengambil peranan yang aktif dalam kelengkapan harian kepada semua mahasiswa yang berada di kampus.

“Contohnya, setiap pengetua dan felo kolej kediaman bertanggungjawab terhadap pengagihan makanan kepada mahasiswa masing-masing termasuklah kit kebersihan dan makanan sampingan daripada *Campus Pantry* UMP yang dibekalkan oleh Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menerusi Program *Food Bank* Siswa.”

“Saya amat bersyukur kerana pihak universiti mengambil peranan yang sewajarnya terhadap golongan mahasiswa.”

“Dalam pada itu, pendekatan yang diambil oleh pihak universiti ini secara tidak langsung mampu mengurangkan risiko.”

“Selain itu juga, pergerakan pelajar di sini turut dipantau dengan baik. Sebagai contoh, pihak keselamatan mengambil pemantauan terhadap penghuni di sini bagi memastikan mereka mengikut arahan PKP dengan baik,” kata Nasrul.

Bagi pelajar Kolej Kediaman 3, Siti Nur Nabirah Amran, 22 dari Fakulti Pengurusan Industri pula, pihak kolej kebajikan telah mengambil inisiatif dalam menyediakan makanan kepada para pelajar yang tidak dapat pulang ke kampung halaman.

“Pihak kolej juga menganjurkan pelbagai aktiviti menarik contohnya baru-baru ini telah diadakan pertandingan melukis dengan menawarkan pelbagai hadiah menarik.”

“Pengalaman ini sungguh berharga dan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas keprihatinan pihak universiti.”

dapat dilupakan sepanjang hayat.

“Marilah bersama-sama kita berdoa agar penularan wabak penyakit yang melanda negara kita ini beransur-ansur berakhir.”
ujar Siti Nur Nabirah.

Hargai masa dan kesejahteraan kehidupan

Oleh: NUR SA'ADATUL AFZAN JUSOH, PEJABAT NAIB CANSELOR

Penularan wabak Covid-19 secara global telah banyak memberikan kesan kepada seluruh penduduk dunia. Kita yang berada di Negeri Pahang Darul Makmur secara khususnya terutama pelajar yang masih bersekolah terpaksa melaksanakan Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga kini di UMP Pekan dan UMP Kampus Gambang.

Menurut Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) UMP, Dr. Rashidi Abbas, perintah PKP ini adalah untuk melindungi semua manusia buat sementara waktu.

“Apabila kita berbicara dalam ruang lingkup agama akan memberikan banyak hikmah yang terkandung di dalamnya.”

“Salah satu hikmah yang dapat diperoleh selama tempoh PKP ini adalah dari segi menghargai masa yang berlalu dan tidak terlalai dengan nikmat kesihatan yang Allah SWT kurniakan kepada kita.

“Sehingga waktu yang sepatutnya kita luangkan kepada Allah SWT tidak kita manfaatkan dengan sebaik-baiknya. Waktu yang tidak berfaedah dan sia-sia,” katanya.

Tambahnya, perbincangan mengenai konteks kesihatan mental turut menjadi topik hangat selama tempoh PKP ini. Ia banyak memberi kesan kepada pelajar dan seluruh warga UMP.

“Apabila berbicara mengenai kesihatan mental, Islam sebenarnya telah memberi tunjuk ajar seperti yang menjaga akal (*hifzu aql*).

“Penjagaan akal ini menjadi asas kepada semua pelajar untuk mengekalkan tahap kewarasan mental se perkara yang tidak diinginkan,” katanya.

“Justeru, Islam telah menyarankan beberapa perkara untuk dilaksanakan agar penjagaan akal ini dapat secara umumnya,” katanya.

Dr. Rashidi turut menyentuh aspek kesejahteraan kehidupan secara umum, iaitu bagaimana menjaga kesinambungan kehidupan dalam tempoh PKP ini.

Ujarnya, perkara utama yang perlu diberi perhatian ialah kita mestilah mengakui hakikat bahawa Allah SWT dikurniakan kepada semua manusia.

“Justeru, gunakanlah akal untuk kebaikan selagi ia tidak melanggar syariah atau agama.

“Strategi baharu boleh dirangka untuk menyesuaikan diri dengan perubahan sementara kehidupan dengan kesan positif kepada akal kita seperti perkongsian sebarang ilmu yang bermanfaat sepanjang PKP ini,” ujar

Dalam pada itu, penggunaan teknologi terkini secara optimum untuk mencari ilmu agama melalui ceramah penceramah yang berkongsi ilmu seperti ilmu tafsir/taddabur tafsir serta ilmu ulum al-Quran dan p memperbanyakkan zikir, solat-solat sunat dan sentiasa bermohon doa kepada Allah SWT agar dipelihara hidup selama PKP berlangsung.

Beliau turut menambah bahawa aktiviti fizikal seperti bersenam dan latihan ringan juga dapat meningkatkan

Bagi mencetuskan akal yang sentiasa berfungsi dengan baik, Dr. Rashidi mencadangkan para pelajar ya memanfaatkan masa terluang dalam tempoh PKP ini dengan menulis novel dan garapan cerita santai deng

“Untuk tambahan, setiap individu juga harus memperkukuhkan silaturahim antara ahli keluarga, rakan-raka

“Oleh kerana masalah ini adalah isu global yang berlaku di mana-mana, maka manfaatkan masa untuk be mudah yang mungkin telah diabaikan sebelum ini atas alasan faktor kesibukan.

“Dalam tempoh PKP ini, kemungkinan kita juga terdedah untuk menulis perkara yang tidak sahih dan tanpa

“Jadi untuk manfaat bersama dan tingkah laku yang berakhlak, disarankan untuk berkongsi beberapa tazk ilmuwan Islam dan kata-kata hikmah dari ilmuwan yang *thiqah* (boleh dipercayai).

“Dalam pada itu, masa terluang boleh dimanfaatkan untuk menambah pahala dan amal jariah dengan me kerja yang boleh kita laksanakan untuk diberikan kepada yang memerlukan melalui teknologi terkini s sebagainya,” ujar beliau.

Dr. Rashidi berharap, mudah-mudahan dengan perkongsian yang ringkas ini boleh dimanfaatkan oleh ses pelajar UMP tetapi kepada semua rakyat Malaysia yang sedang menjalani PKP sehingga 14 April akan dat

Beliau turut mendoakan agar semuanya sentiasa dipelihara oleh Allah SWT dan diberi kesihatan yang baik

Persatuan Alumni Graduan UMP agih pensanitasi tangan b

Oleh: MOHD. FERDAUS MUSA, PEJABAT NAIB CANSOLOR

Sebagai menghargai jasa petugas barisan hadapan yang telah bertungkus-lumus menangani jangkitan Covid-19, Persatuan Alumni Graduan UMP (Alumni UMP) telah menggerakkan usaha dengan mengagihkan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) kepada Pejabat Kesihatan Daerah Kuantan pada 3 April 2020 yang lalu.

Menurut Timbalan Presiden Alumni UMP, Mohd Najib Razali, sumbangan ini merupakan salah satu inisiatif yang dijalankan semasa negara berdepan dengan ancaman penularan wabak Covid-19 dengan memberi fokus bantuan kepada petugas barisan hadapan bekerja keras untuk memutuskan rantai virus ini.

“Persatuan menyumbang sebanyak 30 unit botol pensanitasi tangan berkapasiti 1 liter dengan nilai keseluruhan RM1,200.00.”

“Pensanitasi tangan ini juga merupakan produk keluaran UMP melalui anak syarikatnya iaitu UMP Technology Sdn. Bhd.).

“Sumbangan ini turut diserahkan buat petugas di Bilik Gerakan UMP dan Pejabat Kesihatan Daerah Kuantan.”

Persatuan Alumni UMP juga kini telah melancarkan Tabung triUMPH Frontliners dengan kerjasama UMP H

Tabung ini bertujuan untuk membekalkan air minuman kepada barisan hadapan yang bertungkus-lumus be

Inisiatif ini dizahirkan berasaskan kesedaran apabila kebanyakan mereka ini bekerja secara purata 15 hi untuk memastikan hero-hero negara ini terus kekal berhidrasi dan bertenaga.

Tambah beliau lagi, barisan hadapan ini boleh diibaratkan sebagai perwira yang sanggup memperjujika masa untuk menangani wabak yang sedang menular di negara ketika ini.

“Bagi orang ramai yang ingin membantu bolehlah berbuat demikian dengan menyumbang ke tabung ini a melalui akaun Maybank (5562226414032) dengan meletakkan rujukan (*DRINKING*).

“Pesanan buat semua, bersama-samalah kita membantu barisan hadapan kita untuk mengatasi wabak i ujar beliau.

Manfaatkan penggunaan teknologi dalam mas

Oleh: Dr. Hasnah Hussiin
emel: hasnah@ump.edu.my

Penularan wabak Covid-19 telah menggemparkan seluruh dunia. Antara strategi yang digunakan oleh beb wabak ini dari berterusan membunuh manusia adalah dengan mengadakan Perintah Kawalan Pergera (*Lockdown*) sepenuhnya. Dalam konteks negara Malaysia, PKP telah dilaksanakan sepenuhnya bermula 1 disambung jika keadaan masih tidak banyak berubah. Sepanjang tempoh pelaksanaan PKP, pelbagai l pihak kerajaan atau swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan telah berganding COVID-19.

Tempoh pelaksanaan PKP telah dilihat sebagai usaha segera kerajaan untuk memutuskan rantai yang penguatkuasaan sekatan perjalanan ke luar negara dan pergerakan antara negeri, penutupan beberap pengajian tinggi bagi melindungi semua lapisan rakyat dari bahaya COVID-19. Tempoh berkurung masyarakat negara ini kecuali semasa negara melaksanakan darurat pada tahun 1948-1960 dahulu. Dalam masyarakat negara ini yang bekerja dari rumah, hanya ketua keluarga dibenarkan membeli barangan aplikasi yang memudahkan mesyuarat diadakan secara atas talian, pembelian barangan dalam talian, kela pelajar serta akses kepada bahan pengajaran dan pembelajaran secara maya. Penjarakan Sosial (*Social* masyarakat berkumpul dan berhimpun yang boleh menyebabkan virus COVID-19 mudah tersebar.

Antara golongan yang terkesan akibat pelaksanaan PKP ini adalah pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dilaksanakan dan ada yang tidak sempat pulang dan mereka terpaksa tinggal di dalam kampus sehingga. Secara amnya, ramai para pelajar pada hari ini mempunyai telefon pintar dan Internet berbayar. Ini secara pelajar sama ada di peringkat sekolah atau IPT mendapat peluang untuk menambahkan ilmu pengetahuan dalam pembelajaran seperti ini akan menarik minat pelajar untuk mempelbagaikan lagi cara mereka meninjau kuliah sahaja. Melalui teknologi mudah alih ini, para pelajar boleh memperdalamkan lagi atau mencari buku-buku mereka pelajari. Ia seakan berperanan sebagai nilai tambah terhadap ilmu yang telah diberikan oleh pensyarah buku-buku yang mereka rujuk sebelum ini.

Selain itu, para pelajar juga boleh mempelajari bahasa asing selain bahasa Inggeris seperti Mandarin, dan sebagainya. Terdapat pelbagai laman yang menyediakan cara mempelajari bahasa asing tersebut berserta dengan sumber para pelajar kerana mereka tidak perlu mendaftar dan membayar yuran bagi memasuki kelas belajar. Ini menjimatkan masa, tenaga dan wang ringgit. Kebolehan menguasai bahasa asing adalah keperluan pada zaman ini. Manfaatkan peluang yang ada ini dan gunakan sebaiknya teknologi yang ada di depan mata anda, dengan erti kata lain.

Penggunaan teknologi mudah alih juga akan membolehkan pelajar mengetahui isu-isu semasa sama ada yang pantas. Dalam hal ini, para pelajar sememangnya perlu cakna dengan isu semasa bagi menjadikan mereka inovatif. Generasi yang matang adalah generasi yang tidak sempit pemikirannya malahan perlu menjangkau dengan hanya mengambil cakna akan isu yang berlegar di seluruh dunia.

Sememangnya terdapat banyak perkara yang boleh dilakukan oleh pelajar dengan adanya teknologi mudah alih terbuka luas untuk sesiapa sahaja yang ingin mendapatkan ilmu dari seluruh dunia. Ia juga akan membukakan sahaja di dalam buku, malahan ia bertebaran dalam teknologi mudah alih jika seseorang itu tahu menggunakan teknologi ini dalam mendapatkan ilmu-ilmu yang bermanfaat bagi membantu pembelajaran mereka.

Satu kajian telah dilakukan bagi melihat sejauh manakah para pelajar menggunakan teknologi mudah alih. Daripada kajian yang telah dilakukan, kebanyakan pelajar menggunakan teknologi mudah alih bagi meninjau laman sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *Telegram*, *Twitter*, *Wechat* dan sebagainya. Berdasarkan kajian ini, para pelajar menggunakan media sosial ini untuk meluahkan perasaan, berkongsi gambar, berkongsi pendapat daripada mereka menggunakan media sosial untuk melihat perkembangan terkini bagi menghilangkan kebosanan menggunakan teknologi mudah alih ini ke arah pembelajaran dan pendidikan.

Kesimpulannya, daripada kajian yang telah dijalankan, sebanyak 70 peratus dalam kalangan pelajar menggunakan media sosial untuk meluahkan perasaan, berkongsi gambar, berkongsi pendapat dan informasi. Jadi secara keseluruhannya, para pelajar lebih banyak menghabiskan masa atau menggunakan teknologi untuk menghilangkan kebosanan berbanding untuk menambahkan ilmu di dada. Justeru, sesuatu harus dilakukan bagi mengubahkan sekolah atau IPT agar teknologi mudah alih diguna sebaik mungkin untuk melahirkan generasi berilmu pada masa hadapan.

Penulis adalah Pensyarah Kanan, Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Ts. Dr. Muhamad Mat Noor
muhamad@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
[safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

Mohd Suhaimi Hassan
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan tindakan yang tidak diterima untuk penyiaran selagi tidak disiarkan tidak semestinya menggariskan dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang dikembalikan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa yang dikembalikan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikembalikan akan dikembalikan. Sumbangan karya yang dikembalikan kepada penerbit di:

EDITOR
Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: [safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



- 270 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

